



UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

**TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA
(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN
BERSEMPENA DENGAN PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI SABAH
YANG KE-14**

PADA 6 APRIL 2017





UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

**TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA
(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN
BERSEMPENA DENGAN PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI SABAH
YANG KE-14**

PADA 6 APRIL 2017





Bismilahir Rahmanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang
Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran
dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana
dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka
dapatlah kita berhimpun dalam Dewan
yang mulia ini bagi Majlis Pembukaan
Rasmi Penggal Kelima Dewan
Undangan Negeri Sabah Yang Ke-14.





Ahli-Ahli Yang Berhormat,

1. Ramai pasti bersetuju dengan saya jika saya katakan bahawa negeri Sabah ini adalah negeri yang bertuah. Bertuah kerana kedudukannya yang strategik, bertuah kerana kekayaan dan keindahan alam semula jadinya, dan yang paling signifikan, bertuah kerana rakyat di negeri ini, walaupun terdiri dari pelbagai suku kaum, budaya dan agama, namun rakyat Sabah saling hidup dengan rukun dan damai, di samping menikmati pembangunan dan kemakmuran yang berterusan.

2. Inilah berkat perpaduan dan





keharmonian kaum atau kerukunan hidup yang kita amalkan sejak sekian lamanya. Ini diperkukuhkan lagi dengan keteguhan komitmen kepimpinan sedia ada, di samping hala tuju Kerajaan Negeri yang sentiasa berusaha dan menabur khidmat bakti demi kesejahteraan rakyat dan kecemerlangan negeri seluruhnya.

3. Walaupun keadaan ekonomi dunia menghadapi situasi yang tidak menentu namun perkembangan ekonomi negeri masih mampan. Bagi mengekalkan momentum pembangunan negeri yang kukuh, kestabilan politik menjadi prasyarat utama. Dengan itu, pujian





harus diberikan kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri atas kecemerlangan menerajui pentadbiran negeri Sabah khususnya dalam mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi serta kemakmuran di negeri ini. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan mengambil inisiatif bagi memastikan setiap perancangan dalam agenda jangka pendek dan jangka panjang tercapai dan terlaksana dengan jayanya.

4. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk mengekalkan prestasi pembangunan yang cemerlang di





negeri ini sepertimana yang dikecapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Antara pencapaian membanggakan dalam RMK-10 ialah momentum pertumbuhan positif dan stabil Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Sabah. Pada tahun 2015, misalnya, pertumbuhan KDNK negeri berada di kedudukan teratas berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan), di mana ia bertumbuh pada kadar 6.1 peratus. Jumlah nilai KDNK yang dicatatkan pada tahun 2015 telah mencecah RM70.4 bilion berbanding dengan RM59.3 bilion pada tahun 2011, iaitu





pertumbuhan sebanyak 19 peratus.

5. Pada masa yang sama, momentum pertumbuhan ekonomi dalam RMK-10 juga didorong oleh prestasi perdagangan luar negeri yang kukuh. Dalam tempoh tersebut, negeri Sabah telah mencatatkan lebih imbalan perdagangan melebihi RM8 bilion setahun. Selain itu, pendapatan isi rumah juga meningkat dan mencecah RM4,879 pada tahun 2014 berbanding RM4,013 pada tahun 2012. Sukacita juga saya memaklumkan bahawa kadar pengangguran di negeri Sabah telah menurun kepada 5.0 peratus pada tahun 2015 daripada 5.6 peratus pada





tahun 2011.

6. Pada tahun 2017 ini, negeri Sabah dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil pada kadar 4 hingga 4.5 peratus. Prospek ekonomi dunia dan harga komoditi yang semakin pulih dijangka akan merancakkan lagi aktiviti dalam sektor pelancongan, pelaburan, perbelanjaan awam dan eksport yang mana merupakan pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan yang bertunjangkan kesejahteraan rakyat akan terus menjadi keutamaan dalam agenda





pembangunan negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mempergiatkan lagi program-program pembangunan yang meliputi semua sektor bagi memastikan agenda pembangunan negeri tercapai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

7. Kepelbagaian budaya, tradisi dan keunikan alam semula jadi adalah antara daya tarikan sektor pelancongan yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada pendapatan negeri. Justeru, saya menyeru supaya sektor ini dipertingkatkan lagi dengan





mempelbagaikan pemasaran serta penyediaan produk-produk pelancongan baharu seperti pembangunan produk pelancongan luar bandar, memperkasakan lagi usaha-usaha konservasi flora dan fauna serta alam sekitar, di samping memelihara khazanah warisan budaya yang mana merupakan aset utama sektor pelancongan.

8. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memperkasakan penguatkuasaan Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dengan menggunakan kaedah serampang dua mata iaitu





penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan program-program pendidikan serta kesedaran awam tentang kepentingan pemuliharaan hidupan liar di negeri Sabah. Kerajaan akan terus menekankan kepentingan memelihara khazanah warisan budaya, penyelidikan serta penerbitan buku inventori etnik dan budaya Sabah, di samping memperkenalkan Pensijilan Produk Autentik untuk melindungi produk dan pengusaha produk negeri Sabah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Untuk memantapkan lagi sub-sektor





tanaman, Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada pembangunan tanaman makanan bernilai komersial kerana ia mempunyai permintaan tinggi di pasaran dalam dan luar negara. Pada tahun 2017, dua buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu di Putatan dan Kundasang akan siap dibina, manakala dua buah lagi TKPM akan dibangunkan di Ranau dan Keningau. Bagi sub-sektor perikanan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai program pembangunan dan pengurusan sumber seperti Program Regulator dan Pengurusan Sumber, Program Pembangunan Infrastruktur Sokongan





Perikanan, Program Pembangunan Industri dan Komoditi, Program Kesihatan Awam dan Keselamatan Makanan, Program Pembangunan Teknologi dan Penyelidikan (R&D) dan Program Pembangunan Sosio-ekonomi.

10. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan dana bagi memperkukuhkan perkhidmatan veterinar untuk aktiviti-aktiviti Kuarantin dan pengembangan sektor veterinar. Ini bertujuan untuk memastikan sub-sektor ternakan terus mapan dan berupaya meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ternakan, di samping





mengurangkan bil import serta memperkasakan industri ternakan agar dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

11. Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan status kesihatan ternakan terus kukuh serta terhindar daripada penyakit berjangkit dan zoonotik dengan pewujudan dua perundangan baharu iaitu Enakmen Haiwan 2015 dan Enakmen Kebajikan Haiwan 2015. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga amat berbangga dengan pencapaian sebahagian pengusaha ternakan susu segar, daging ayam dan telur di negeri





ini yang telah berjaya mengeksport hasil ke luar negeri, misalnya keluaran daging ayam negeri ini telah dieksport ke Vietnam, Thailand dan Hong Kong, manakala telur pula dieksport ke Timor Leste, Sierra Leone dan Hong Kong. Malah, pada tahun lepas, pasaran susu segar negeri ini berjaya menembusi pasaran komersial yang lebih luas ke Semenanjung Malaysia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Dalam usaha meningkatkan keupayaan untuk mengolah sumber-sumber asli yang terdapat di negeri ini, Kerajaan akan mengambil inisiatif





untuk memajukan sektor keusahawanan dan pembuatan kerana ia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri. Usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan keupayaan pengusaha-pengusaha mikro, kecil dan sederhana di negeri ini, dengan menyediakan keperluan-keperluan alat perkakas dan mesin yang lebih berkapasiti untuk membolehkan mereka menghasilkan produk-produk dan perkhidmatan yang berkualiti supaya dapat bersaing dan menembusi pasaran yang lebih luas.

13. Kerajaan juga akan memperkasa inisiatif “*Shared Services Outsourcing*”





Centre” atau ‘SSO’ yang mampu membantu pengusaha-pengusaha mikro, kecil dan sederhana melalui satu *platform* rantai pembekalan yang lengkap dan komprehensif. Sukacita saya memaklumkan bahawa ketika ini barangan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan telah mendapat tempat di dalam pasaraya-pasaraya dan pusat-pusat borongan serta peruncitan.

14. Sementara itu, Kerajaan juga akan memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti industri hiliran dalam sektor pembuatan sejajar dengan hala tuju jangka panjang sektor pembuatan





seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang Sabah (Sabah.LEAP). Untuk tujuan tersebut, Kerajaan akan menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti hiliran bernilai tinggi di *Palm Oil Industrial Cluster* di Lahad Datu dan Sandakan serta Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. Saya menyambut baik usaha-usaha murni Kerajaan dalam meningkatkan dan menambah baik kemudahan infrastruktur dan utiliti di negeri ini. Antara langkah-langkah yang





akan dilakukan adalah dengan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur seperti projek pembinaan jalan raya (termasuk jambatan, cerun) di kawasan pelancongan, pertanian dan perindustrian serta penyediaan pelan dalam mengatasi kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Keningau dan Lahad Datu.

16. Sehubungan dengan perkembangan ini, Kerajaan juga akan memperkasa pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo yang merupakan pemangkin kepada ekonomi negeri Sabah. Malah,





Kerajaan juga akan terus melaksanakan program-program menaik taraf sistem pembetungan di Bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Beaufort, Keningau, Tenom dan Kuala Penyu. Pada masa yang sama, Kerajaan akan melaksanakan beberapa projek perkhidmatan bekalan air iaitu Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Keningau, Projek Pembinaan Loji Air dan Pemasangan Rangkaian Paip di daerah Beaufort serta Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Baru Semporna.

17. Seterusnya, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan rel





di negeri ini. Antara usaha yang akan dilakukan termasuklah menambah aset-aset sedia ada seperti pembelian sebuah “*Diesel Multiple Unit*” (DMU) baharu yang mampu meningkatkan keupayaan perkhidmatan di sektor Beaufort-Tenom serta menaik taraf landasan keretapi dari Halogilat ke Tenom bagi membolehkan penggunaan perkhidmatan lokomotif yang berkapasiti muatan tinggi dan selamat.

18. Di sudut lain pula, bagi memperkasa bidang kuasa negeri dalam hal-hal berkaitan pelabuhan dan dermaga, Kerajaan akan





menguatkuasakan sepenuhnya perundangan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 dan Enakmen Pelabuhan dan Dermaga 2002. Pada tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan beberapa program pembangunan kemudahan infra dan penambahan aset seperti Projek Pembinaan Bantuan Pelayaran dan Suar, Pembinaan Jeti-Jeti Terapung Untuk Kapal-Kapal Kecil, Pembinaan Bot Penguatkuasaan, Pengorekan Dasar Laut dan Sungai serta Pembinaan Terminal Feri.

19. Dalam hal ini, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan kapasiti





pelabuhan-pelabuhan utama di Sabah terutama sekali Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai jalinan rangkaian logistik sektor pengangkutan yang efisien. Untuk tujuan itu, Kerajaan akan mempergiatkan pelaksanaan Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai inisiatif menjadikannya *Transshipment Hub* bagi negara-negara Timur ASEAN (East ASEAN), BIMP-EAGA dan Timur Asia (East Asia) dalam jangka masa panjang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Kerajaan terus komited untuk





mempergiatkan usaha menurunkan lagi kadar kemiskinan daripada paras empat (4) peratus pada tahun 2014 ke paras satu (1) peratus sebelum berakhirnya RMK-11. Justeru, pada tahun ini, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai projek di bawah Program Transformasi Luar Bandar untuk meningkatkan lagi pendapatan rakyat di luar bandar, terutama yang melibatkan Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan Ladang PPRT. Peningkatan harga komoditi utama seperti getah dan kelapa sawit dijangka akan meningkatkan lagi pendapatan para peserta projek-projek tersebut.





21. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana pada tahun ini Kerajaan akan memperluas pelaksanaan Program Pembangunan Kampung Sejahtera di tiga puluh (30) buah kampung berbanding dengan dua puluh (20) buah pada tahun 2016. Dalam hal yang berkaitan, pelbagai program pembangunan dan aktiviti keusahawanan di kalangan pengusaha-pengusaha kecil di bawah Program Pembangunan Usahawan Desa juga akan dipertingkatkan.

22. Bagi memantapkan lagi jentera pentadbiran Kerajaan di peringkat akar





umbi, program-program latihan untuk Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Dalam Bandar (JKDB) akan terus dilaksanakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Sekali lagi pujian dan ucapan syabas harus diberikan kepada Kerajaan Negeri pimpinan YAB Ketua Menteri atas pencapaian cemerlang dalam menguruskan sumber hutan di negeri ini. Dasar Perhutanan Negeri Sabah terkenal di seluruh dunia





dengan program transformasi unik yang menunjukkan komitmen jangka panjang dalam pengurusan hutan mapan di negeri ini. Antaranya, termasuklah inisiatif pewujudan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (*Totally Protected Areas*) yang kini mencecah hampir 30 peratus (hampir 1.9 juta hektar) daripada keluasan tanah di negeri Sabah berbanding hanya 11 peratus (850,000 hektar) pada tahun 2004. Pencapaian ini telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh *International Union for the Conservation of Nature* (IUCN) iaitu sebanyak 10 peratus dan *UN Aichi* sebanyak 17 peratus.





24. Pada ketika ini, program pensijilan perhutanan yang terkini telah diwajibkan untuk mengekalkan kredibiliti sistem pengurusan perhutanan negeri Sabah. Dalam tahun 2003, terdapat hanya satu kawasan hutan hujan tropika di negeri ini yang diperakui di bawah *Gold Standard of Forest Stewardship Council (FSC)* iaitu Hutan Simpan Deramakot yang berkeluasan 55,507 hektar. Kini, negeri Sabah memiliki hampir seluas 549,501 hektar hutan merangkumi hutan semula jadi dan hutan tanaman (*natural and planted forest*) terletak di sepuluh (10) kawasan berbeza di negeri ini. Keluasan hutan ini yang





diperakui di bawah FSC telah meningkat sepuluh (10) kali ganda dan merupakan yang terbesar di negara ini. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa melipatgandakan usaha untuk memastikan prestasi pengurusan sumber hutan yang cemerlang dan berkredibiliti berterusan di negeri ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Saya menyambut baik inisiatif Kerajaan dalam menekankan kepentingan membaca di kalangan masyarakat. Amalan membaca adalah amat penting dalam membentuk masyarakat berilmu. Oleh itu, Kerajaan





akan memperkasakan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan melalui penyediaan kemudahan *infostructure* seiring dengan pembudayaan dan perkembangan ICT.

26. Saya bersyukur usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup dan memantapkan institusi keluarga terus menjadi agenda utama pembangunan di negeri ini. Bagi merealisasikan agenda tersebut, Kerajaan akan melaksanakan Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti: *FACE (Family and Community Empowerment)*, dengan tujuan untuk memperkasa





institusi keluarga dan komunitas.

27. Di samping itu, program pemberian bantuan persekolahan kepada murid sekolah rendah akan diteruskan bertujuan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh golongan isi rumah yang berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan terus mengadakan Program Kesedaran Pengguna ke seluruh daerah untuk memberi kesedaran mengenai hak-hak mereka serta peranan sebagai pengguna yang bermaklumat. Kolaborasi secara *smart partnership* akan dilaksanakan antara sekolah-





sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, Badan-badan Bukan Kerajaan serta agensi Negeri dan Persekutuan untuk memastikan matlamat tersebut tercapai.

28. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, keutamaan akan diberi dalam memelihara kebajikan golongan mudah terjejas seperti warga emas dan Orang Kurang Upaya. Pada tahun ini, Kerajaan akan meneruskan pembinaan semula Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya di Sembulan, pembinaan '*retaining wall*' dan sistem perparitan di Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya di Lahad Datu dan Pusat





Aktiviti Warga Emas di Beaufort serta pembinaan semula Rumah Warga Tua, Air Panas di Tawau.

29. Kerajaan akan meneruskan program-program seperti *Roadshow Akta Kanak-Kanak Pindaan (2016)* dan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat, Kempen Keselamatan Kanak-Kanak di Sekolah: Sahabat B.I.J.A.K – “*Save and Protect*”, Program Semarak Kasih Bersama Ibu Bapa Pelihara, Program *Team Building* Majlis Perwakilan Kanak-Kanak Negeri Sabah dan karnival OKU.





Ahli-Ahli Yang Berhormat,

30. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang telah dilancarkan pada tahun 2008 telah memasuki fasa ke-3, di mana pencapaian pelaksanaan pembangunan bagi semua inisiatif dalam SDC adalah amat memberangsangkan. Pencapaian ini dapat direalisasikan kerana terdapat jalinan kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam memastikan semua projek di bawah SDC terlaksana dalam masa yang ditetapkan. Ini tercermin melalui pemberian peruntukan oleh Kerajaan





Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM2.029 bilion di bawah RMK-9 hingga RMK-11 (setakat November 2016), di mana 95 peratus daripada jumlah tersebut telah dibelanjakan. Manakala dari aspek prestasi pelaburan pula, SDC telah mencatatkan pelaburan terkumpul komited sebanyak RM158 bilion yang mana sebanyak RM57.68 bilion telah direalisasikan.

31. Di bawah RMK-11, Kerajaan Negeri akan melipatgandakan usaha memajukan sektor logistik dengan menambah baik kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan darat,





laut dan udara serta sektor komunikasi ICT. Seterusnya, pelaksanaan *Sepanggar Bay Container Port* sebagai *Transshipment Hub* dan Projek Lebuh Raya Pan Borneo serta penubuhan *Aviation Hub* akan dapat membantu menambah baik lagi perkhidmatan pengangkutan barangan di negeri ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

32. Seiring dengan kemajuan semasa di peringkat nasional dan global, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kini telah menjadi keperluan utama kepada rakyat di negeri ini. Peranan dan





pengaruh ICT merangkumi semua sektor, dan ia menjadi pemangkin kepada agenda transformasi negeri Sabah yang berpaksikan kepada Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang Sabah (Sabah.LEAP) 2016-2035. Justeru, pembangunan prasarana dan infrastruktur ICT akan dapat menambah baik rangkaian perhubungan di semua sektor, sekali gus membantu memacu pembangunan Pelan Strategik ICT di negeri Sabah. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan liputan kualiti jalur lebar untuk menampung keperluan semua sektor ekonomi di negeri ini. Malah, Kerajaan juga akan memberi perhatian





dalam pembangunan Industri Kreatif dan pencungkilan bakat dalam bidang ICT bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi baharu serta menyokong usaha pewujudan Hab Digital Malaysia sejajar dengan pengisytiharan tahun 2017 sebagai tahun Ekonomi Internet.

33. Di sudut lain pula, Kerajaan akan terus menekankan pembangunan modal insan agar lebih berdaya saing dan berkemahiran tinggi sejajar dengan inisiatif menjadikan *Technical Vocational Education and Training* (TVET) sebagai *enabler* untuk memacu produktiviti tenaga kerja bersandarkan 35 peratus





skilled workforce menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, kolaborasi strategik antara penyelia-penyelia latihan awam dan swasta di negeri ini seperti *Sabah Skill and Technology Centre*, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Institut Latihan Perindustrian, Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF), Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) dan lain-lain perlu diperkukuhkan sebagai usaha menyediakan peluang-peluang latihan yang lebih efektif dan sistematik.





Ahli-Ahli Yang Berhormat,

34. Sesungguhnya Kerajaan sentiasa mengutamakan penambahbaikan dan pemantapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya rakyat mendapat manfaat yang maksimum. Dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Perancang Bandar dan Desa akan memastikan supaya semua pekan dan bandar di negeri ini mempunyai pelan tempatan yang terbaharu sesuai dengan keperluan semasa dan kemudahan perumahan serta infrastruktur yang kondusif.





35. Saya menyambut baik pelaksanaan Pelan Struktur Sabah 2033 yang merupakan panduan utama untuk mewujudkan perancangan pembangunan guna tanah yang mampan untuk mencapai persekitaran yang bertaraf dunia menjelang tahun 2033. Pelan Marin dan Pesisir Pantai Semporna yang mendapat anugerah *Planning Excellence Award* di peringkat global melalui *Royal Town Planning Institute United Kingdom* (RTPI) akan dijadikan asas kepada matlamat berkenaan.

36. Selain itu, Garis Panduan Perancangan Kawasan Gempa juga





akan diperkenalkan bagi mengawal selia pembangunan di seluruh negeri bagi memastikan kesediaan pembangunan terhadap risiko bencana gempa bumi. Perancangan bandar juga akan terus diperhebat dengan perancangan *Smart City* di daerah Tawau yang memperkenalkan pembangunan bandar berteknologi tinggi dan pengurusan sumber secara mampan. Dengan itu, matlamat untuk mencapai Negeri Taman Terindah menjelang tahun 2033 merupakan satu hala tuju pembangunan landskap yang berkualiti serta menyeluruh.





Ahli-Ahli Yang Berhormat,

37. Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan dalam melaksanakan Program Khas Anak Negeri Sabah yang mana telah berjaya mengurangkan isu-isu tanah berkaitan tuntutan Hak Tanah Anak Negeri (*Native Customary Rights*). Misalnya, pada tahun 2016, Kerajaan telah berjaya menyelesaikan pengukuran tanah Hak Tanah Anak Negeri (*Native Customary Rights*) seluas 16,049 hektar iaitu melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu seluas 13,000 hektar. Pada tahun 2017, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan isu-isu tuntutan





tanah NCR, di mana Kerajaan menyasarkan untuk pengukuran tanah NCR seluas 17,000 hektar khasnya di daerah Kudat, Kota Marudu, Ranau, Tuaran, Keningau, Tenom, Nabawan dan Semporna.

38. Sementara itu, Kerajaan juga akan terus memainkan peranan dalam memudah cara pelaksanaan projek-projek pembangunan berimpak tinggi seperti proses pewartaan pengambilan tanah untuk Projek Lebuhraya Pan Borneo. Pada tahun 2016, Kerajaan berjaya menyelesaikan pewartaan pengambilan tanah untuk tiga (3) pakej permulaan Projek Pan





Borneo yang melibatkan sebanyak 259 lot tanah dalam masa yang ditetapkan. Bagi meneruskan kecemerlangan tersebut, pada tahun 2017, Kerajaan akan memastikan pewartaan pengambilan tanah untuk baki pakej Projek Lebuh Raya Pan Borneo berjalan mengikut jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

39. Sejajar dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50), Kerajaan Negeri komited untuk memastikan penglibatan aktif belia dalam arus pembangunan. Kerajaan akan sentiasa memberi prioriti terhadap pembangunan belia





kerana golongan belia merupakan pewaris masa hadapan negeri ini. Untuk itu, Indeks Belia Sabah, Dasar Pembangunan Belia Negeri Sabah dan Pelan Strategik Pembangunan Belia Negeri Sabah 2016-2020 telah dibangunkan untuk menggalakkan penyertaan belia secara dinamik dan berkesan.

40. Saya menghargai sumbangan golongan masyarakat yang telah mengharumkan nama negeri dalam pelbagai bidang sukan. Dengan itu, Kerajaan Negeri komited untuk menerajui kecemerlangan sukan yang berpaksikan kepada tiga teras utama





iaitu Sukan Prestasi Tinggi, Industri Sukan dan Sukan Massa seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik Pembangunan Sukan Negeri Sabah 2017-2030. Bagi merealisasikan matlamat ini, Kerajaan Negeri akan mengguna pakai pendekatan Strategi Lautan Biru menerusi kerjasama pintar di bawah Konsep Rentas Pelaksana yang melibatkan sektor awam, sektor swasta, persatuan sukan dan NGO. Usaha berterusan Kerajaan untuk memasyarakatkan infrastruktur sukan, merangsang pembudayaan sukan dan gaya hidup sihat serta mewujudkan persekitaran kondusif sukan sejajar dengan Matlamat Dasar





Sukan Negeri Sabah adalah tepat dan patut dipuji.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

41. Saya menyambut baik dan menyokong usaha Kerajaan dalam memastikan sasaran kutipan Hasil Negeri tercapai dan kedudukan kewangan negeri diperkukuhkan lagi. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan terus meningkatkan lagi penguatkuasaan dan menambah baik kemudahan untuk pihak awam membayar bil, di samping memastikan pengurusan dan disiplin kewangan yang tinggi melalui penubuhan Kumpulan Amanah Khas





Pembayaran Bon.

42. Jika diamati, di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri, Kerajaan Negeri berjaya melipatgandakan usaha untuk memperkukuh ekonomi negeri Sabah dalam menghadapi ekonomi global, di samping meningkatkan kualiti hidup rakyat di negeri ini. Saya yakin, segala usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan selama ini serta pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan pada tahun ini akan menjadikan negeri Sabah terus berdaya tahan untuk menghadapi cabaran-cabaran di tahun hadapan.





Ahli-Ahli Yang Berhormat,

43. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Jemaah Menteri atas kecemerlangan khidmat bakti yang telah mereka curahkan dalam memimpin Hala Tuju Pembangunan Negeri ini. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam dan Pasukan-Pasukan Keselamatan serta semua pihak yang terlibat dalam proses menentukan keamanan serta kesejahteraan rakyat di negeri ini terus terjamin.





44. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini menyeru kepada seluruh lapisan rakyat supaya terus bersatu padu, mengekalkan perpaduan dan saling bekerjasama bagi memastikan negeri Sabah yang tercinta ini terus maju, aman, makmur dan sejahtera. Semoga Allah SWT sentiasa melimpahi kurnia dan rahmat-Nya kepada kita semua.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

